



Anwar mempengerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara di Putrajaya, semalam.

(Foto UKK JPM)

Percepat proses kelulusan tanah demi pembangunan

Pusat-kerajaan negeri perlu perkukuh usaha sama tanpa jejas prosedur sedia ada

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan Persekutuan dan negeri perlu terus memperkukuh kerjasama, khususnya dalam usaha mempercepat proses kelulusan urusan tanah bagi tujuan pembangunan supaya projek dapat dilaksanakan segera demi kebajikan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata bagaimanapun, langkah mempercepat proses itu mesti dilaksanakan tanpa menjejaskan prosedur sedia ada, selain menghormati sepenuhnya bidang kuasa kerajaan negeri dalam urusan tanah.

Beliau berkata, Kerajaan MADANI juga akan terus berikhtiar mengangkat agenda pembangunan yang berimbang di antara keperluan manusia dan kelestarian alam, selari dengan prinsip kemampanan sebagai satu teras utama konsep MADANI.

Loti perancangan

"Memulakan pagi ini (semalam) dengan mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-82, satu platform pen-

ting yang menyatukan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam meneliti perancangan serta pengurusan tanah negara agar dimanfaatkan secara optimum dan seimbang antara tuntutan ekonomi, keperluan sosial serta kelestarian alam sekitar.

"Mesyuarat hari ini (semalam) memberi penekanan kepada usaha memantapkan aspek kawal selia tanah supaya lebih inklusif, melindungi kepentingan rakyat, serta responsif terhadap keperluan dan realiti semasa," katanya menerusi satu hantaran di media sosial, semalam.

Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Menteri Besar dan Ketua Menteri yang mewakili negeri.

Anwar berkata, mesyuarat itu turut bersetuju dan berpegang teguh kepada komitmen mengekalkan 50 peratus keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan.

Katanya, ia selaras dengan aspirasi antarabangsa dan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) 2026-2030.